

CARBIMIN TABLET

Carbinoxamine Maleate (4mg)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Carbimin Tablets
2. Bagaimana Carbimin Tablets berfungsi
3. Sebelum menggunakan Carbimin Tablets
4. Cara menggunakan Carbimin Tablets
5. Semasa menggunakan Carbimin Tablets
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Carbimin Tablets
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Carbimin Tablets

Carbinoxamine Maleate adalah bahan aktif untuk Carbimin Tablets.

Carbinoxamine Maleate adalah berkesan dalam rinitis alergik (keradangan dalam hidung disebabkan oleh alahan) rinitis vasomotor (rinitis bukan alahan), konjunktivitis alahan (keradangan pada membran nipis yang meliputi bahagian depan mata disebabkan alahan), alergi kulit urtikaria (gatal-gatal yang bermanifestasi ringan dan jenis tidak rumit) dan angioedema (bengkak di bawah kulit).

Bagaimana Carbimin Tablets berfungsi

Carbinoxamine Maleate adalah sejenis antihistamin. Ia berfungsi dengan menyekat tindakan histamin yang mengurangkan simptom reaksi alahan.

Sebelum menggunakan Carbimin Tablets

- Bila tidak boleh menggunakan
 - Jika anda alergi (hipersensitif) kepada Carbinoxamine Maleate atau sebarang kandungan dalam Carbimin Tablets.

- Jika anda mempunyai glaucoma sudut sempit (peningkatan tekanan mata), gejala kelenjar prostat membesar, penghalangan leher pundi kencing, stasis usus (kemerosotan laluan biasa kandungan usus) dan halangan pyloroduodena (halangan pada saluran perut).
- Semasa gejala asma akut yang berpanjangan (i.e. status asmatikus.)

- Sebelum menggunakan Carbimin Tablets

Anda harus beritahu doktor anda sekiranya:

- Anda alergi terhadap sebarang ubat yang anda pernah ambil untuk merawat keadaan semasa anda.
- Anda hamil, atau sedang cuba untuk hamil atau sedang menyusu anak.

Carbimin Tablets berpotensi menyebabkan kesan advers yang serius pada bayi yang menyusu.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda harus beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda baru-baru ini atau sedang mengambil mana-mana ubat di bawah:

- Central nervous system depressants atau tricyclic antidepressants – ubat yang digunakan untuk melegakan kemurungan mental.
- Monoamine oxidase (MAO) inhibitors – ubat yang digunakan untuk merawat kemurungan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda

sedang mengambil mana-mana ubat, termasuk tonik herbal, pelengkap tambahan dan ubat yang dibeli tanpa preskripsi.

Cara menggunakan Carbimin Tablets

Sentiasa mengambil ubat dengan tepat seperti yang diberitahu oleh doktor anda. Anda perlu merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti. Ambil ubat ini melalui mulut.

- Berapa banyak harus digunakan Dewasa

4 -8mg

Kanak-kanak

3- 6 tahun : 2 - 4mg

6 tahun ke atas: 4 - 6mg

Carbimin Tablets tidak disyorkan untuk bayi pramatang atau baru lahir.

- Bila perlu digunakan
3 hingga 4 kali sehari.

Iikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan
Terus menggunakan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

- Sekiranya anda lupa satu dos, ambil dos itu dengan segera.
- Tetapi, sekiranya telah hampir masa untuk dos yang berikutnya, abaikan dos yang terlepas.
- Jangan mengambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

- **Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)**

Sekiranya anda terambil dos berlebihan Carbimin Tablets, sila beritahu doktor anda yang akan menentukan tindakan selanjutnya yang patut diambil.

Orang itu perlu mendiamkan diri untuk mengurangkan penggunaan yang boleh berlaku terutamanya pada kanak-kanak.

Semasa menggunakan Carbimin Tablets

- **Perkara yang perlu dilakukan**
Hubungi doktor jika gejala anda bertambah buruk atau tiada perubahan.

Hubungi doktor sekiranya anda hamil semasa mengambil Carbimin Tablets.

- **Perkara yang tidak boleh dilakukan**
Jangan beri Carbimin Tablets kepada orang lain walaupun simptom mereka seolah-olah serupa ataupun mereka mempunyai keadaan yang sama seperti anda. Doktor anda telah mempreskripsikan Carbimin Tablets untuk anda dan keadaan anda.

- **Perkara yang perlu diberi perhatian**

- Ubat ini boleh menyebabkan mengantuk, kekeringan mulut dan pening. Harus berhati-hati apabila memandu, mengendalikan mesin atau melaksanakan tugas-tugas lain yang memerlukan kewaspadaan mental.
- Elakkan penggunaan serentak alkohol berlebihan dengan ubat-ubatan lain yang menyebabkan mengantuk.

- Guna dengan berhati-hati pada orang tua.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Carbimin Tablets mempunyai kesan sampingan walaupun bukan semua orang yang mendapatnya. Kesan sampingan berikut mungkin terjadi dengan ubat ini:
Paling biasa: sedasi, mengantuk, mengurangkan kepekaan dan keupayaan untuk menumpukan perhatian.

Kurang biasa: kekeringan mulut, penglihatan kabur, vertigo (rasa berputar) dan masalah gastrousus.

Lain-lain: sakit kepala dan kegelisahan.

Sekiranya mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mengalami kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Berjumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda was-was atau untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my
(Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety).

Cara penyimpanan dan pelupusan Carbimin Tablets

- **Penyimpanan**

Jangan guna selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bungkus. Tarikh tamat tempoh merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

Carbimin Tablets patut disimpan pada tempat yang kering.

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada kepanasan dan kelembapan.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- **Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui sisa air atau sisa isi rumah. Tanya ahli farmasi anda cara-cara pelupusan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- **Rupa dan warna produk**

Tablet ini berwarna putih, berbentuk bulat, leper, diameter 7mm dan mempunyai garis skor serta tanda ‘MPI’.

- **Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif
Setiap tablet mengandungi 4mg bahan aktif, carbinoxamine maleate.
- Bahan tidak aktif
Bahan –bahan lain adalah kanji jagung, kanji ubi, laktosa dan magnesium stearate.

- **Nombor MAL**

MAL19900500AZ

Pengilang dan Pemegang

Pendaftaran Produk

Malaysian Pharmaceutical Industries

Sdn Bhd.

Plot 14, Lebuhraya Kampung Jawa,

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,

Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

20/04/2017

Nombor Siri:

BPK (R4/1) 170317/00035